

Muhyiddin Serah Watikah Pelantikan Anggota Baharu MKPTN

Bernama

July

8,

2014

PUTRAJAYA, 8 Julai (Bernama) -- Lima belas ahli baharu Majlis Keusahawanan Pengajian Tinggi Nasional (MKPTN) yang dilantik bagi tahun 2014 menerima watikah pelantikan masing-masing daripada Timbalan Perdana Menteri yang juga Menteri Pendidikan Tan Sri Muhyiddin Yassin

Beliau menyampaikan watikah itu selepas mempengerusikan mesyuarat MKPTN di sini.

Muhyiddin berkata ahli baharu yang dilantik diharap dapat meneruskan kejayaan pencapaian program pembangunan keusahawanan di Institusi Pengajian Tinggi (IPT).

"MKPTN juga perlu berperanan sebagai platform untuk terus menyediakan ekosistem terbaik untuk pelajar IPT mengorak langkah menjadi graduan berminda keusahawanan," katanya dalam kenyataan yang dikeluarkan selepas mesyuarat.

MKPTN juga, katanya, perlu meningkatkan kerjasama dan penglibatan industri dengan IPT untuk melaksanakan program berstruktur berteraskan keusahawanan bagi memperkasa program internship IPT.

Mereka yang dilantik antaranya ialah Ketua Setiausaha II Kementerian Pendidikan Datuk Seri Dr Zaini Ujang, Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) SME Corporation Malaysia Datuk Hafsah Hashim, CEO Malaysian Technology Development Corporation (MTDC) Datuk Norhalim Yunus, CEO Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB) Dzulkifli Fadzilah dan Ketua Pengarah Majlis Amanah Rakyat (MARA) Datuk Ibrahim Ahmad.

Ditubuhkan pada 15 Mac 2011, MKPTN bertujuan membantu kementerian meningkatkan usaha dan memantapkan pelaksanaan Dasar Pembangunan Keusahawanan IPT dan Pelan Strategik Keusahawanan IPT.

Setakat ini sebanyak 4,060 lulusan IPT telah menceburi bidang keusahawanan dalam tempoh tiga tahun selepas Dasar Pembangunan Keusahawanan IPT dilancarkan.

MKPTN juga berjaya mengadakan beberapa memorandum persefahaman dan program kerjasama dengan industri serta agensi pembangunan keusahawanan.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1052104>